

12/11/2001

Kontraktor atas angin bebaskan kerajaan

TEGURAN keras Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kecenderungan kontraktor `besar' Melayu serta pemilik lesen dan permit import (AP) menjualnya untuk meraih keuntungan cepat, amat memedihkan. Seperti diujahkan Perdana Menteri, golongan yang berniaga `atas angin' ini mudah melenting setiap kali ditegur, tetapi mereka akan tetap kembali kepada tabiat lama. Golongan seperti ini memang tidak mahu bersusah-payah, jauh sekali untuk berpanas atau berhujan di tapak pembinaan. Berkereta mewah ke sana-sini sebagai simbol status, bersosial di kelab ternama untuk menjual nama dan tidak ketinggalan menunjukkan muka pada majlis rasmi, hanya itulah sebenarnya kepandaian mereka.

Mereka tidak pernah jelak menagih kontrak. Tapak kasut mereka lebih cepat haus memanjat anak tangga kementerian dan pejabat kerajaan. Tutur kata mereka pula mengalahkan sasterawan. Dan apabila projek dihajati sudah dimiliki, rakan niaga untuk keuntungan diperoleh, tidak sukar dicari. Sebaliknya, apabila tender atau kertas kerja projek ditolak, merekalah yang paling lantang bersuara. Segala-galanya diungkit, daripada menteri yang didakwa tidak berguna, pegawai kanan yang tidak mengenang budi hinggalah kepada pencari fail yang kononnya berpaling tadah. Malangnya, mereka tidak pernah serik, mungkin juga kerana tidak banyak usaha untuk mereka diserikkan.

Amaran Perdana Menteri bahawa kerajaan tidak akan memberi kontrak baru kepada syarikat atau kontraktor yang didapati menyerah atau menjual kontrak mereka kepada pihak lain, amat bertepatan. Perangkaan menunjukkan 728 projek daripada keseluruhan 6,230 projek pembangunan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) lewat disiapkan mengikut jadual. Seharusnya tidak ada peluang kedua diberikan kepada kontraktor Bumiputera yang gagal menunjukkan kesungguhan melaksanakan projek kerajaan kerana mereka hanya memikirkan diri sendiri tanpa memikirkan kepentingan pihak ketiga. Selama mana mereka harus hanya memberi alasan jika projek yang diserahkan kepada mereka berulang kali terbengkalai.

Hanya kira-kira tiga bulan lalu, pendedahan dibuat mengenai pembinaan Maktab Rendah Sains Mara (MRSB) di Pontian, Johor serta di Kampung Gajah dan Trans Kelian, Perak yang gagal disiapkan mengikut jadual. Akibatnya, 2,100 pelajar yang sepatutnya mendapat tempat di MRSB, terpaksa meneruskan pengajian di sekolah biasa. Kini, tiga kontraktor utama yang dilantik membina makmal komputer sekolah di seluruh negara gagal menyiapkannya dalam tempoh ditetapkan menyebabkan komputer yang dibekalkan menghimpun habuk dalam stor. Sambil kontraktor terbabit mungkin hilang pendapatan, kerugian lebih besar sebenarnya ditanggung pelajar yang dinafikan kemudahan yang sepatutnya mereka miliki.

Kontraktor Bumiputera perlu mengatasi segera masalah dan kelemahan yang dihadapi dan tidak hanya pandai memberi pelbagai alasan hingga menjejaskan kelancaran projek kerajaan yang diamanahkan. Sudah terlalu banyak bantuan yang kerajaan hulurkan, termasuk ketika kegawatan ekonomi, tetapi selebihnya bergantung kepada kesungguhan kontraktor sendiri. Dalam banyak keadaan, kegagalan mereka lebih disebabkan kelemahan sendiri daripada kesilapan atau halangan pihak lain. Sesetengahnya pula terlalu tamak hingga mahu membolot jumlah projek yang mengatasi kemampuan mereka untuk melaksanakannya. Kerajaan tidak harus dipersalahkan jika lebih banyak kontrak diberi kepada kontraktor berjaya atau yang mempunyai rekod cemerlang berbanding `kontraktor atas angin' yang hanya memungkinkan

projek terlengah atau terbengkalai.
(END)